

BAB 8 PILIHAN RAYA

BAHAGIAN A - SOALAN OBJEKTIF

- Pilihan raya di Persekutuan Tanah Melayu diadakan selaras dengan peruntukan dalam perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948. Mengapakah pilihan raya diadakan?
A. Membentuk kerajaan
B. Menggubal undang-undang
C. Memilih Yang di-Pertuan Agong
D. Mewujudkan persempadanan kawasan
- Perikatan UMNO-MCA telah berjaya memenangi 226 kerusi daripada 268 kerusi yang dipertandingkan dalam pilihan raya peringkat negeri pada tahun 1954. Apakah kepentingan kemenangan tersebut?
A. Memelihara kesetiaan rakyat
B. Menjamin keselamatan negara
C. Pembentukan kabinet negara
D. Penerimaan terhadap kerjasama kaum
- Mengapakah Pilihan Raya Umum Pertama yang diadakan dianggap penting?
A. Mengetuai pentadbiran negeri
B. Merintis kemerdekaan negara
C. Mengukuhkan perpaduan kaum
D. Menamatkan pemerintahan British
- Rajah berikut merujuk kepada proses Pilihan Raya Majlis Perundangan Persekutuan 1955.



Apakah X?

- Pengumuman keputusan
 - Penyerahan logo parti
 - Pengiraan undi
 - Penamaan calon
- Jadual berikut merujuk kepada kabinet pertama Persekutuan Tanah Melayu.

Nama	Jawatan
H.S.Lee	X
Ong Yoke Lin	Menteri Kerja Raya
Abdul Aziz Ishak	Menteri Pertanian

Apakah yang mewakili X?

- Menteri Pelajaran
 - Menteri Pengangkutan
 - Menteri Pos dan Telekom
 - Menteri Tanah dan Galian
- Kabinet pertama Persekutuan Tanah Melayu dibentuk selepas Pilihan Raya Umum 1955. Apakah peranan kabinet tersebut?
I. Membincangkan soal imigran
II. Membincangkan soal kewangan
III. Membincangkan isu keselamatan
IV. Membincangkan isu perkauman
A. I dan II
B. I dan IV
C. II dan III
D. III dan IV

- Antara padanan berikut, yang manakah benar tentang syarat menjadi pengundi dan calon dalam Pilihan Raya Majlis Perundangan Persekutuan 1955?

	Syarat Pengundi	Syarat Calon
A	Berpengetahuan dalam Bahasa Melayu	Berpengetahuan dalam Bahasa Inggeris
B	Umur 18 tahun	Umur 21 tahun
C	Warganegara Persekutuan Tanah Melayu	Warganegara Persekutuan Tanah Melayu
D	Menetap di Persekutuan Tanah Melayu	Tinggal di Persekutuan Tanah Melayu selama dua bulan

- Apakah peranan Majlis Perundangan Persekutuan (MPP) yang telah dibentuk selepas Pilihan Raya 1955?
A. Mentadbir negara
B. Menjatuhkan hukuman
C. Memilih wakil kerajaan
D. Menggubal undang-undang
- Antara berikut, yang manakah merupakan kesan penubuhan Majlis Perundangan Persekutuan?
I. Pemansuhan Sistem Ahli
II. Pemilihan ahli oleh rakyat
III. Pemilihan pemimpin berwibawa
IV. Pemberian kemerdekaan oleh British
A. I dan II
B. I dan IV
C. II dan III
D. III dan IV
- Bagaimanakah ahli dalam barisan kabinet pertama Persekutuan Tanah Melayu dipilih?
A. Melalui pilihan raya
B. Melalui sistem perundangan
C. Pelantikan oleh Ketua Menteri
D. Pelantikan oleh Pesuruhjaya Tinggi